

# K-WORM CHOC SUSPENSION 400MG/10ML

## Albendazole (400mg/10ml)

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml
2. Bagaimana K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml berfungsi
3. Sebelum mengambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml
4. Cara mengambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml
5. Semasa mengambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

### Apakah kegunaan K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml

K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml digunakan untuk membasmi cacing-cacing usus.

### Bagaimana K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml berfungsi

K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml mengandungi Albendazole menunjukkan aktiviti vermifugal, ovacidal dan larvicidal. Ia menghalang polimerisasi tubulin dalam anthelmint dan dengan itu mengurangkan tahap tenaga sehingga mereka tidak mencukupi untuk bertahan hidup.

### Sebelum mengambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml

#### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Albendazole, terbitan benzimidazole atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

#### - Sebelum mula mengambil

Tidak boleh diberikan semasa mengandung atau disyaki kehamilan. Gunakan dengan berhati-hati semasa penyusuan selagi penyingkiran pada susu ibu tidak diketahui.

#### - Jika mengambil ubat- ubatan lain

Kepekatan plasma metabolit aktif Albendazole dinaikkan apabila ditadbir bersama dengan Dexamethasone, Praziquantel dan Cimetidine.

### Cara mengambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml

#### - Berapa banyak harus digunakan

Untuk jangkitan cacing kerawit, cambuk, gelang, dan kait:  
Dewasa dan kanak-kanak melebihi 2 tahun: Ambil 10ml sekali sahaja.  
Kanak-kanak 1 hingga 2 tahun: Ambil 5ml sekali sahaja.  
Untuk jangkitan cacing pita dan benang:  
Dewasa dan kanak-kanak melebihi 2 tahun: Ambil 10ml sekali sehari selama 3 hari berturut-turut.  
Goncang sebelum diambil.

#### - Bila perlu diambil

Boleh diambil dengan makanan.

#### - Berapa lama perlu diambil

Rawatan kedua boleh diulangi selepas 2 hingga 3 minggu jika jangkitan berterusan atau berulang.

#### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml, ambilkannya apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)  
Gejala seperti mual, muntah, cirit-birit dan sakit perut. Sekiranya terambil berlebihan, sila menghubungi doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

### Semasa mengambil K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa nasihat doktor anda.

### Kesan Sampingan

Albendazole umumnya diterima dengan baik. Gejala yang dilaporkan termasuk symptom gastrousus dan sakit kepala.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 0378835549, atau laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Public-- Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### Cara Penyimpanan dan Pelupusan K-WORM Choc Suspension 400mg/10ml

#### - Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhkan daripada cahaya.

Ketatkan penutup.

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Ampaian berwarna perang dan berperisa coklat.

#### - Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif

Setiap 10ml mengandungi Albendazole 400mg.

- Bahan-bahan tidak aktif

Sucrose, Polysorbate 80, Vanilla Flavour, Chocolate Flavour, Cocoa Powder, Sorbitol Solution 70%, Purified Water, Propyl Hydroxybenzoate, Citric Acid, Xanthan Gum, Sodium Benzoate, Tragacanth Gum, Methyl Hydroxybenzoate.

#### - Nombor MAL:

MAL XXXXXXXXXX

### Pengilang

WINWA MEDICAL SDN. BHD.  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.

### Pemegang Pendaftaran Produk

POWERLIFE (M) SDN. BHD.  
No.8-1, Jalan PDS 4, PD Sunggala  
Gateway, Telok Kemang, 71050  
Port Dickson, Negeri Sembilan,  
Malaysia.

### Tarikh kemaskini RiMUP

13/12/2018

### Nombor Siri:

NPRA (R2) 19/182